

MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KERAJAAN DAN POLITIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, 15 APRIL 2004

“Kerajaan dan Politik”

Terlebih dahulu ingin saya ucap berbanyak terima kasih kepada Universiti Teknologi Mara kerana menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kerajaan dan Politik kepada saya.

2. Izinkan saya beri sedikit pandangan berkenaan dengan Kerajaan dan Politik.
3. Jika manusia bermoral tinggi dan berfikiran waras, mereka boleh hidup bermasyarakat tanpa Kerajaan atau pemerintahan. Tetapi manusia, secara semulajadi tidak begitu. Justeru itu di mana manusia berkumpul, di situ terdapat keperluan untuk pemerintahan atau Kerajaan. Jika tidak ada organisasi untuk mengawal masyarakat manusia, maka huru-hara akan berlaku. Ia akan berlaku kerana yang kuat akan menindas yang lemah dan keganasan serta jenayah akan berlaku sepanjang masa.
4. Sebab itu masyarakat manusia yang primitif sekali pun mengadakan sistem untuk mengawal dan menyelamatkan anggotanya. Biasanya seorang yang gagah menjadi pemimpin, dengan cara ianya merebut tempat atau mewarisi tempat. Susulan kepada pengwujudan pemimpin, berbagai-bagai adat dicipta untuk mengawal tingkah-laku dan gerak geri anggota masyarakat, kepimpinan yang wujud dan hubungan sesama anggota masyarakat dan dengan kepimpinan.
5. Daripada sini bermulalah sistem pemerintahan yang diketuai oleh pemimpin individu yang gagah dalam masyarakat yang akhirnya menjadi raja yang berkuasa mutlak. Dan pemerintahan yang ditubuh oleh raja dikenali sebagai Kerajaan.
6. Di Malaysia pemerintahan dikenali sebagai Kerajaan kerana dikepalai oleh raja walaupun tidak berkuasa mutlak. Bagi orang Malaysia semua pemerintahan adalah Kerajaan, samada beraja atau tidak.
7. Daripada hanya bertanggungjawab terhadap keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan sekarang bertanggungjawab terhadap hampir semua aspek kehidupan anggota masyarakat termasuk pembangunan segala infrastruktur, kemajuan ekonomi dan sosial negara.
8. Tanggungjawab ini bertambah dan menjadi lebih penting apabila sistem demokrasi diamalkan. Sebabnya ialah oleh kerana berjaya atau tidaknya pengurusan ekonomi dan sosial sesebuah Kerajaan Demokratik akan menentukan samada Kerajaan itu kekal atau ditumbang dan diganti dengan Kerajaan oleh pihak lain.
9. Dalam pada itu pemerintahan Kerajaan Demokratik menjadi lebih rumit kerana rakyat bukan sahaja memilih Kerajaan melalui pilihanraya tetapi mereka berhak mengkritik dan menegur Kerajaan secara langsung atau melalui media yang bebas. Ini menyebabkan Kerajaan Demokratik sukar menjadi stabil dan memerintah tanpa gangguan.

10. Kita baru lihat pilihanraya di negara kita. Ini adalah pilihanraya yang ke 11 dalam sejarah kemerdekaan kita selama hanya 47 tahun. Mengikut Perlembagaan Negara, pilihanraya mesti diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam 5 tahun. Dengan 11 pilihanraya dalam jangkamasa 47 tahun purata hayat sesuatu Kerajaan adalah kurang dari 5 tahun. Kerajaan dan negara tidak pernah abaikan Perlembagaan walaupun Kerajaan darurat berkuasa selama 2 tahun disebabkan rusuhan kaum pada tahun 1969.

11. Pilihanraya di Malaysia jarang dicemar oleh rusuhan atau pembunuhan seperti yang sering dilihat di sesetengah negara demokratik yang baru. Selain daripada dua orang pekerja parti yang terbunuh semasa kempen pilihanraya 1969, tidak ada jenayah yang besar yang boleh dikaitkan dengan proses pilihanraya sejak merdeka pada 1957. Segala urusan pemilihan wakil rakyat dilakukan dengan tertib. Pemerhati asing yang dijemput untuk menyaksikan pilihanraya tahun 1990 tidak mendapati apa-apa penipuan dalam urusan pemilihan oleh Suruhanjaya Pilihanraya atau Kerajaan.

12. Kelicinan pilihanraya dan pembentukan Kerajaan-Kerajaan di Malaysia mungkin memberi gambaran bahawa proses politik dan pemerintahan demokrasi adalah mudah. Tetapi sebenarnya ia tidak sebegitu mudah.

13. Demokrasi adalah satu sistem Kerajaan atau Pemerintahan yang amat rumit dan amat terdedah kepada kemungkinan rasuah, huru-hara dan anarki berlaku. Pembunuhan dan aneka jenis jenayah yang berlaku di beberapa negara membangun yang lain yang cuba mengamalkan sistem demokrasi adalah bukti bagaimana sulit dan bahaya amalan demokrasi. Tahap kematangan rakyat dan kefahaman mereka akan batasan dan had demokrasi menentukan samada demokrasi membawa kebaikan atau tidak. Kepercayaan bahawa kehendak ramai adalah keramat (Vox Populi Vox Dei – suara ramai, suara Tuhan) yang didokong oleh pengamal demokrasi di negara maju Eropah tidak selalunya benar. Kerap kali suara ramai tidak diasaskan kepada kebenaran atau pemikiran yang waras. Ia lebih mungkin dipengaruhi oleh nafsu dan kepentingan kelas atau kaum. Demikian oleh kerana pekerja tetap lebih ramai daripada majikan, maka demokrasi boleh memberi kuasa Kerajaan kepada parti buruh. Kita lihat bagaimana Kerajaan Buruh begitu memihak kepada pekerja sehingga pendapatan dan kemudahan bagi mereka ditambah dengan begitu kerap dan tinggi yang mana ini menyebabkan produk-produk negara menjadi tidak berdaya saing dan akhirnya perusahaan-perusahaan negara terpaksa ditutup. Dengan itu ekonomi negara merosot dan ramai pekerja menggantung.

14. Umpamanya sebuah negara industri di Eropah yang dahulu mengeluarkan aneka jenis barang buatan, hari ini tidak mengeluarkan satu pun kereta motor dan barang buatan yang lain, kerana upah yang terlalu tinggi dan masa kerja yang terlalu pendek. Pengangguran menjadi masalah kronik kerana mengikut kehendak suara ramai kaum pekerja.

15. Demikian juga dalam negara berbilang kaum, demokrasi akan memberi kuasa kepada kaum yang terbesar. Di Yugoslavia etnik Serb menguasai Kerajaan dan menindas kaum lain. Kerajaan yang bertanggungjawab pula terpaksa mengambil tindakan seperti menaikkan cukai atau yuran. Ini tetap tidak popular. Sementara suara ramai menolak kenaikan cukai, suara yang sama juga akan menuntut kenaikan gaji dan pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk mereka. Apabila Kerajaan cuba mengurangkan cukai dan menambah perbelanjaan sudah tentu kedudukan kewangan Kerajaan menjadi tidak sihat.

16. Rakyat lebih kerap terpengaruh dengan emosi dan bukan perhitungan yang waras. Justeru itu pemilihan wakil dan Kerajaan dalam demokrasi tidak selalunya bijak. Mereka akan pilih kerana marah akan sesuatu, kerana benci kepada pihak tertentu atau kerana terlalu setia dan sayang pada pemimpin atau parti. Hasilnya ialah Kerajaan yang dianggotai oleh mereka yang tidak cekap yang pasti akan merosak ekonomi dan negara.

17. Kadang-kadang rakyat bertindak ganas, mengadakan demonstrasi, mogok dan lain-lain. Kerajaan demokratik tidak boleh dilihat sebagai terlalu keras dalam menangani masalah seperti ini. Malangnya jika tindakan-tindakan ini tidak dibendung, maka tindakan yang lebih ganas akan diadakan. Ia akan meningkat lagi jika Kerajaan tidak tunduk atau tidak berjaya mengawal. Jika Kerajaan tunduk maka tuntutan secara ini akan diulangi dan iklim ekonomi akan menjadi buruk dan tidak sesuai dengan perniagaan atau pelaburan.

18. Kita lihat di beberapa negara yang baru mencuba demokrasi keadaan tidak pernah tenteram. Mogok umum, demonstrasi, rusuhan berlaku sepanjang masa. Dalam keadaan ini ekonomi tidak mungkin tumbuh dan peniaga, pengusaha kecil dan besar akan mengalami kerugian. Pekerja juga akan kehilangan mata pencarian, akan menggagur. Dan keadaan yang buruk ini akan menjadikan politik lebih tidak stabil dan Kerajaan tidak berkesan.

19. Sebaliknya jika Kerajaan cuba menghentikan keganasan dengan bertindak keras, puak yang ganas akan meningkatkan lagi keganasan mereka. Jika tindakan Kerajaan menyebabkan mana-mana pihak cedera atau maut, maka ini akan dijadikan isu untuk puak yang ganas bertindak dengan lebih ganas lagi. Akhirnya huru-hara akan menimpa negara. Besar kemungkinan Kerajaan akan ditumbangkan dan pilihanraya diadakan semula.

20. Jika budaya ganas berjaya menumbang Kerajaan maka ia akan diguna untuk menjatuhkan Kerajaan yang dipilih tiap kali. Dengan ini Kerajaan yang berwibawa tidak dapat didirikan dan huru-hara akan berpanjangan, negara tidak selamat dan tidak stabil. Sudah tentu negara tidak akan dapat dimajukan, akan terus miskin dan lemah dan rakyat menderita.

21. Penderitaan rakyat akan menyebabkan rakyat tidak puas hati sepanjang masa dengan Kerajaan. Demonstrasi, rusuhan dan mogok pekerja akan diadakan lagi, yang mana ini akan menghalang pelaburan dari dalam dan luar. Ini akan memburukkan lagi ekonomi dan penderitaan rakyat.

22. Apabila keadaan ini menjadi kronik, pemulihan keadaan secara demokratik tidak mungkin. Di beberapa negara pemerintahan kuku besi diadakan untuk menstabilkan negara, kadang-kadang dengan bantuan luar. Janji dibuat untuk mengembalikan demokrasi. Janji ini jarang dapat ditunaikan. Jika ditunai pun demokrasi tidak mungkin diamalkan kerana budaya rusuhan dan tindakan ganas akan menjadikan negara tidak stabil dan memberi peluang kepada pihak tertentu merebut kuasa dan mendirikan Kerajaan diktator.

23. Pendek kata jika penyalahgunaan kebebasan demokrasi tidak dibendung awal dan dengan tegas, jika atas alasan kebebasan demokrasi, keganasan dibiarkan meningkat,

demokrasi tidak mungkin kekal dan sudah tentu tidak akan membawa kebaikan kepada negara dan rakyat seperti yang diharapkan.

24. Demokrasi memberi hak kepada siapa sahaja merebut peluang untuk mewakili rakyat dan memerintah negara. Sementara di negara-negara yang sudah matang dalam politik demokrasi terdapat hanya dua atau tiga parti politik sahaja, di negara demokrasi yang baru, terdapat banyak parti politik, kadang-kadang sehingga lebih seratus. Banyaknya parti politik bermakna rakyat akan berpecah sehingga tidak akan ada mana-mana parti yang akan mendapat cukup kerusi untuk menubuh Kerajaan. Jika ada pun, majoriti tetap kecil dan penghijrahan satu dua wakil akan menjatuhkan Kerajaan. Dalam keadaan ini Kerajaan terpaksa tumpu kepada politik, terutama politik dalam parti dan bukan kepada pentadbiran, jauh sekali pembangunan negara.

25. Jika tidak ada satupun parti yang mempunyai cukup wakil untuk menubuh Kerajaan maka Kerajaan campuran terpaksa diadakan. Kerajaan campuran yang dibuat selepas pilihanraya biasanya tidak stabil. Penarikan keluar parti kecil sudah memadai untuk menjatuhkan Kerajaan. Dalam percubaan untuk mengekalkan Kerajaan, parti yang besar terpaksa tunduk kepada parti yang kecil dan ini akan mengecewakan penyokong parti yang besar. Sekali lagi Kerajaan campuran ini terpaksa tumpu kepada politik dalaman parti dan politik diantara parti. Tidak akan ada tumpuan kepada pentadbiran yang baik dan pembangunan negara.

26. Ada juga demokrasi yang mengagih kerusi mengikut peratusan undi yang diperolehi oleh parti-parti yang bertanding. Jika jumlah parti lebih daripada dua kemungkinan mana-mana parti mendapat peratusan yang lebih daripada 50 peratus kerusi amat tipis. Sekali lagi untuk mendapat majoriti Kerajaan campuran antara yang terbesar dengan yang kecil terpaksa diadakan. Dan Kerajaan seperti ini tetap lemah dan terpaksa menumpu kepada politik dan tidak kepada pemerintahan yang baik.

27. Namun demikian demokrasi masih sistem pemerintahan yang terbaik yang pernah dicipta oleh manusia. Tetapi untuk menjayakan sistem demokrasi rakyat terutamanya perlu faham bahawa demokrasi tidak bebas daripada kecacatan dan hak rakyat perlu dihadkan, dibataskan. Demokrasi yang liberal di negara maju ternampak berjaya kerana rakyat tahu batasan-batasannya dan mereka tidak melangkah keluar daripada batasan ini. Segala perluasan batasan di buat secara beransur-ansur.

28. Demikian hak kaum perempuan mula dituntut selepas Perang Dunia Pertama pada tahun-tahun dua puluhan abad ke 20. Mereka diberi kebebasan sedikit demi sedikit – bermula dengan hak mengundi sahaja. Sehingga tahun-tahun enam puluhan masih ada negara Eropah yang tidak memberi hak mengundi kepada kaum wanita.

29. Bermula dengan hak yang terhad ini, kaum perempuan telah berkempen sehingga akhirnya Women's Rights, Hak Kaum Perempuan, mencapai tahap sekarang yang membenarkan mereka bersekedudukan dengan siapa sahaja, mendapat anak di luar nikah, menghapuskan institusi perkahwinan dan keluarga dan lain-lain. Sekarang mereka dengan bangga mendakwa mereka amalkan homoseks dan hari ini perkahwinan perempuan dengan perempuan diiktiraf oleh undang-undang. Demikian juga lelaki dengan lelaki. Maka hancurlah adat resam masyarakat dan juga agama. Ternampak jelas jika demokrasi diamal sepenuhnya keruntuhan akhlak dan agama mungkin berlaku. Di peringkat mana kita akan bendung demokrasi semestinya

terpulang kepada masyarakat yang mengamalkannya. Yang jelas ialah demokrasi tidak menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat yang mengamalkannya.

30. Dalam politik antarabangsa pula demokrasi tidak menghapuskan penindasan yang lemah oleh yang kuat. Sebaliknya ia amat menjadi-jadi sekarang. Harapan wilayah-wilayah yang telah dibebaskan daripada belenggu penjajahan bahawa amalan demokrasi oleh bekas penjajah mereka akan menjamin mereka tidak akan dijajah lagi sekarang sudah meleset. Hari ini penjajahan oleh negara yang berbangga dengan demokrasinya dilakukan dengan pelbagai cara; melalui sekatan ekonomi, hasutan melalui NGO dan media, pencerobohan dan serangan tentera untuk kononnya melakukan "Regime Change". Sebenarnya semua ini adalah untuk menjajah semula negara-negara di dunia. Justeru itu janganlah kita percaya demokrasi mesti membawa kebaikan semata-mata. Malapetaka juga boleh datang dari demokrasi.

31. Kerajaan dan politik tidak dapat dipisah. Kerajaan yang tidak cekap dan berwibawa adalah hasil politik yang juga tidak cekap. Dalam sistem demokrasi kemantapan rakyat dalam politik akan menentukan samada demokrasi membawa kebaikan atau sebaliknya. Pepatah "The people deserve the Government they get" atau masyarakat mendapat Kerajaan yang sepatutnya bagi mereka memang tepat. Justeru itu rakyat perlu arif dalam ilmu politik dan tahu membeza antara kaca dan permata jika rakyat ingin meraih kebaikan dan kebahagiaan daripada kuasa memilih Kerajaan dalam sistem demokrasi.

32. Negara kita Malaysia mengamalkan demokrasi, tetapi kita dikecam oleh negara-negara demokratik etnik Eropah kerana kita tidak liberal seperti mereka. Ramai rakyat Malaysia yang berasa malu kerana kritikan ini. Tetapi yang harus diingat oleh mereka ini ialah demokrasi diamal untuk kebaikan negara dan rakyat dan bukannya rakyat dan negara harus dikorbankan untuk kebaikan demokrasi. Kita sudah lihat bagaimana demokrasi yang liberal telah menghancurkan budaya, moral dan agama dan kita tidak perlu halalkan kehancuran ini atas nama demokrasi. Kita harus ambil yang jernih dan buang yang keruh.

33. Sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Universiti Teknologi Mara kerana menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kerajaan dan Politik kepada saya.